

UTUSAN MALAYSIA

SABTU • 26 MEI 2018 p. 15

WASPADA PEROMPAK SIBER

KECANGGIHAN teknologi masa kini bukan hanya sekadar memudahkan segala urusan orang ramai, bahkan turut dikesan mampu membawa impak negatif terhadap masyarakat apabila ia mula disalahgunakan.


Ini dapat dibuktikan apabila teknologi di hujung jari dimanipulasi pihak tertentu demi mengaut keuntungan menerusi aktiviti jenayah siber.

Malah lebih membimbangkan, orang ramai khususnya pemilik kad kredit dan debit dikesan antara kumpulan berisiko untuk menjadi mangsa penggadam yang berupaya merompak secara digital.

Ikuti pendedahan wartawan **S2**, NAZWIN NAZRI dan MOHAMMAD AL FAIZAL ABDUL KARIM berhubung trend, risiko dan betapa mudahnya kegiatan mencuri data peribadi daripada kad kredit dan debit dapat dilakukan.



KAD kredit atau debit yang dilengkapi teknologi payWave dan PayPass berisiko tinggi untuk digodam.



Maklumat dicuri sekelip mata

MUNGKIN ramai yang tidak sedar bahawa maklumat kad kredit dan debit anda boleh dicuri oleh penggadam hanya dalam sekelip mata.

Lebih membimbangkan, hanya dengan teknik ringkas maklumat kad kredit dan debit sesiapa sahaja boleh dicuri melalui satu imbasan menggunakan telefon pintar.

Proses yang tidak lebih dari lima saat itu boleh dilakukan menggunakan kemudahan Near Field Communication (NFC) yang terdapat dalam telefon pintar atau gajet serta aplikasi bacaan kad kredit yang boleh dimuat turun secara percuma.

Ini adalah trend terkini penggadam yang akan mengaktifkan NFC dalam telefonnya sebelum mengimbas kad kredit dan debit milik orang lain khususnya di tempat awam.

Sebagai hasilnya, butiran kad kredit dan debit mangsa akan tertera di telefon penggadam sebelum disalahgunakan seperti membuat

pembelian termasuk transaksi kewangan dalam talian.

Kebiasaannya, penggadam akan mensasarkan mangsa seperti individu yang sedang beratur untuk mengeluarkan wang di mesin pengeluaran automatik (ATM) selain mereka yang sewenang-wenangnya menyerahkan kad kredit atau debit untuk tujuan pembayaran selepas makan di restoran.

Timbalan Dekan, Jaringan Industri dan Masyarakat Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat Universiti Putra Malaysia (UPM), **Prof. Dr. Zuriati Ahmad Zukarnain** berkata, taktik itu amat berbahaya kerana risiko kecurian (data) boleh berlaku di mana-mana, bila-bila masa secara pantas, senyap dan mudah.

"Ini adalah rompak digital yang berlaku pada jarak empat sentimeter. Pemegang kad yang dilengkapi teknologi payWave atau PayPass perlu berhati-hati apabila membuat



Taktik itu amat berbahaya kerana risiko kecurian (data) boleh berlaku di mana-mana, bila-bila masa secara pantas, senyap dan mudah."

PROF. DR. ZURIATI AHMAD ZUKARNAIN

pembayaran atau perpindahan wang menggunakan platform-platform ini di tempat awam.

"Dalam beberapa saat sahaja, data penting kecuai nombor nilai pengesahan kad (CVV) boleh dicuri tanpa disedari pemilik.

"Penggadam hanya aktifkan NFC dan aplikasi bacaan kad kredit ketika berada berdekatan sekali gus curi maklumat secara senyap," katanya ketika ditemui **S2** baru-baru ini.

Zuriati menambah, adalah amat penting bagi pemilik kad kredit atau debit mengambil langkah-langkah keselamatan ketika mahu membuat pembayaran atau perpindahan dana.

"Pengguna dinasihatkan agar tidak sewenang-wenangnya membenarkan mana-mana individu tidak dikenali memegang kad debit atau kredit milik mereka kerana risiko kecurian (data) adalah amat tinggi. Sesiapa sahaja boleh menjadi penggadam.

"Pada masa yang sama, pemilik kad kredit atau debit perlu memastikan mereka menerima pengesahan dari pihak bank berdaftar setiap kali membuat pembayaran atau transaksi.

Cara ini membolehkan pengguna memantau aliran dan mengenal pasti sebarang bayaran atau pindahan wang yang meragukan," jelasnya.

Data kad kredit, debit dijual RM100

MASALAH kebocoran data peribadi semakin membimbangkan apabila wujud sindiket dipercayai menjual data kad kredit dan debit orang ramai menerusi laman sosial.

Hanya dengan mengenakan bayaran RM100 hingga RM200, sindiket berkenaan akan memberikan butiran berkaitan kad kredit atau kad debit kepada pembeli bagi membolehkan mereka berbelanja dalam talian.

Sindiket yang dipercayai mempunyai kepakaran teknologi maklumat ini mampu menggadam sistem bagi mencuri data berkenaan sebelum menawarkannya kepada umum di laman sosial seperti Facebook.

Setakat ini, sindiket berkenaan mensasarkan pemain permainan video dalam talian sebagai pelanggan sekali gus butiran kad kredit dan kad debit itu digunakan untuk membuat pembelian menaik taraf akaun permainan video masing-masing.

Menurut sumber, bagaimanapun had pembelian terbahagi bergantung kepada

jumlah yang terdapat dalam kad kredit dan debit mangsa.

Jelasnya, ini berikutan, sindiket terbahagi hanya menawarkan data kad kredit dan debit orang ramai dan soal berapa jumlah boleh dibelanjakan mereka (penggadam) tidak mengetahuinya.

"Semuanya bergantung kepada nasib, ada pembeli yang menerima data kad kredit dan debit seterusnya menggunakan untuk membuat pembelian sehingga RM10,000.

"Ada yang isinya sehingga RM1,000 ada sehingga RM6,000,



SALAH satu akaun palsu yang dicipta untuk menjual data kad debit dan kredit kepada pemain permainan video atas talian.

namun ada juga pembeli tidak boleh membuat pembelian berikutan tiada baki dalam kad debit mahupun kad kredit yang sudah mencapai hadnya,"

katanya kepada **S2** baru-baru ini.

Ujar sumber, atas faktor itu, juga kegiatan sindiket berkenaan mula tersebar dan terbongkar apabila terdapat segelintir pembeli data yang gagal membuat pembelian.

"Ada pembeli yang gagal membuat pembelian menggunakan data yang diberikan sindiket melahirkan rasa tidak puas hati melalui Facebook mereka berurusan kerana beranggapan diperdaya.

"Ramai pelanggan mereka dalam kalangan remaja yang fanatik permainan video, malah dengan data yang diberikan pembeli boleh membuat apa sahaja pembelian menerusi dalam talian," ujarnya.

info Modus operandi curi data guna telefon pintar

- » Aktifkan NFC dan aplikasi bacaan kad kredit dalam telefon pintar.
- » Hampiri (mangsa) pada jarak empat sentimeter untuk proses mengimbas.
- » Mangsa adalah pemilik kad kredit atau debit dilengkapi teknologi payWave atau PayPass.
- » Kurang dari lima saat maklumat boleh dicuri apabila berada berdekatan mangsa.
- » Antara maklumat berpotensi dicuri adalah seperti nombor, tarikh luput, transaksi dan kod unik terkandung dalam kad.
- » Maklumat kemudian dijual secara dalam talian dan beberapa akaun Facebook diwujudkan khusus untuk kumpulan pembeli sasaran.
- » Setiap maklumat dijual pada harga rendah iaitu sekitar RM100 hingga RM200.



TELEFON pintar boleh dimanipulasi penggadam untuk mencuri data kad kredit atau debit.



APLIKASI bacaan kad kredit yang digunakan penggadam untuk mencuri data.